

BULETIN CITRA

Edisi JANUARI JUN 2024

KOLEJ KEDIAMAN

UITM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN.

KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI (KPO)

Pelapor: Azrai Sazwan Suhaimi



DI SINI PEMIMPIN DILAHIRKAN

Staf Residen Kolej (SRK) dan dibantu oleh Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar (URHP) UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan telah berjaya menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi yang diadakan di UiTM Teluk Intan dan Teluk Batik, Perak. Program Ini adalah satu inisiatif untuk melatih JPK dan Sekretariat Kolej yang baru sahaja dilantik dalam menguruskan satu-satu organisasi, merancang program baharu untuk sesi 23/24 dan dalam masa yang sama mengeratkan hubungan sesama JPK, SRK dan URHP.



YBrs. Dr Norhasnida Nordin, Pengetua Kolej Kediaman UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan telah merasmikan penutupan program ini. Beliau turut mengingatkan barisan Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Sekretariat Kolej Kediaman untuk sentiasa cakna dengan permasalahan pelajar sepanjang tinggal di kolej kediaman dan tindakan segera perlu diberikan melalui saluran yang tepat.

